


mega



Kondom galak zina?

SEJAK kebelakangan ini amalan seks bebas termasuk di kalangan remaja seperti sudah menjadi satu trend. Apa pihak yang mengatakan kondom yang mudah didapati dan penjualannya yang tidak dikawal menjadi penyumbang kepada peningkatan gejala itu. Benarkah kondom menjadi puncanya? Atau ada banyak lagi faktor lain yang mendorong seks di luar ikatan pernikahan?

M
t
r
k
v
k
c
t
F
a
F
r
s
r
s
r
y
k
j
d
k
k
p
k
d
k
b
b
k
s
r
te
m
da
m
be
di
ia
U
pe
da
da
se

Kondom dijual secara terbuka



KETIKA beratur di kaunter pembayaran sebuah farmasi sekitar Lembah Klang tidak lama dulu, kelihatan seorang lelaki Melayu berusia awal 20-an membeli kondom.

Situasi sama juga berlaku di sebuah kedai serbaneka 24 jam. Dengan selamba dan tanpa ada rasa segan, seorang remaja lelaki Melayu mengambil sekotak kondom, membayar di kaunter dan terus berlalu.

Bermula dari situ, penulis cuba meninjau di beberapa farmasi, kedai runcit, pusat membeli-belah dan kawasan lain.

Hasil pemantau mendapati kondom yang pelbagai jenama itu dijual sama seperti makanan ringan lain seperti gula-gula.

Biasanya ia diletakkan berhampiran kaunter. Selalunya ia mudah dilihat dan disusun dengan cara yang menarik.

Kondom seperti barangan 'wajib' yang dijual di situ tanpa sebarang syarat atau peraturan walaupun adakalanya ia membabitkan pembeli daripada golongan remaja bawah umur.

Ada juga pasangan Melayu yang dilihat berbincang terlebih tentang kondom jenis apa yang ingin dibeli.

Di sebuah pusat membeli-belah terkemuka lain pula sebuah kedai khas yang menjual pelbagai peralatan dan permainan seks termasuk kondom 'membuka pintunya' kepada setiap pelanggan termasuk remaja.

Hasil pemantauan beberapa jam penulis di situ menyaksikan dua pasangan remaja Melayu dalam usia belasan tahun melangkah masuk dan meninjau barangan di dalam premis itu.

Mukadimah

ANTARA pelbagai jenis alatan dan rawatan pencegahan kehamilan yang ada, kondom dilihat produk pilihan kerana harganya murah, berkesan dan yang paling penting mudah diperolehi.

Kondom dikatakan mampu melindungi wanita sehingga 99 peratus daripada hamil atau mengelakkan sebarang penyakit kelamin.

Maka, tidak hairanlah, permintaan yang tinggi daripada pengguna menyumbang kepada penjualan kondom secara meluas di negara ini.

Sesiapa saja boleh membelinya termasuk individu Islam yang belum menikah.

Situasi ini menimbulkan kebimbangan terutama di kalangan masyarakat Islam di negara ini kerana kondom yang dijual secara bebas dikatakan faktor peningkatan zina.

Benarkah kondom menjadi punca umat Islam di negara ini merasa 'selamat' dan tidak kisah melanggar hukum agama untuk berzina? Atau apakah ada faktor lain seperti lambakan cakera padat lucu, laman Internet seks dan permainan video seks juga puncanya?

Bagi mendapatkan penjelasan terperinci, wartawan *Mega*, FAIZATUL FARHANA FARUSH KHAN melakukan tinjauan dan menemuramah beberapa pakar berhubung kebimbangan itu.

Walaupun pasangan berkenaan keluar tanpa membeli apa-apa, ia jelas menunjukkan betapa golongan semula itu sudah pandai 'belajar' mengenai produk seks.

Pemantauan di sekitar Lorong Haji Taib dan Chow Kit pada sekitar tengah malam mendapati berpuhul penjual barangan peralatan dan permainan seks 'setia' menunggu pelanggan.

Penjual 'tanpa lesen' itu menggunakan beg bimbit mengandungi puluhan produk berkenaan dan menawarkan harga berpatutan kepada pelanggan yang mendekati mereka.

Dua rakan lelaki yang berpura-pura ingin membeli produk tersebut diberi penerangan terperinci tentang kegunaannya. Malah penjual tersebut turut menawarkan harga istimewa.

Sepanjang 30 minit meninjau di kawasan itu, didapati kira-kira 20 pelanggan datang berurus niaga di kawasan berkenaan yang operasinya bermula sekitar pukul 10 malam.

Apabila hasil pemantauan ini diluahkan kepada beberapa ahli akademik, reaksi yang diberikan berbeza berhubung penjualan kondom secara berleluasa di negara ini.



KONDOM dibungkus dengan cara yang menarik. - Gambar hiasan

Hubungan seks dari usia muda

SERAMAI 35 peratus daripada 5,645 responden Malaysia yang menyertai Kajian Seks Global Durex pada tahun 2003 mengakui melakukan hubungan seks dengan pasangan baru tanpa perlindungan. Kajian yang dijalankan syarikat pengeluar kondom berjenama Durex, SSL Healthcare membabitkan 150,000 responden dari beberapa negara termasuk Malaysia itu disiarkan *Utusan Malaysia* pada tahun 2004. Laporan itu menyebut, Pengarah Urusannya, Tim Evans berkata, secara keseluruhannya, kajian berkenaan turut mendedahkan empat daripada 10 responden di

peringkat global tidak semestinya memakai kondom apabila melakukan hubungan seks dengan pasangan baru. "Sebelum ini, kajian yang dijalankan syarikat mendapati, kalangan remaja adalah golongan yang sering bersikap sambil lewa berhubung penggunaan alat pencegahan termasuk kondom ketika melakukan hubungan seks. "Ia turut menunjukkan beberapa budaya membimbangkan berhubung aktiviti seks antaranya seseorang mula melakukan hubungan berkenaan pada usia muda," katanya. Evans berkata, walaupun

kebanyakan daripada responden sedar mengenai risiko jangkitan penyakit kelamin termasuk HIV/AIDS dan kehamilan tidak dirancang akibat gaya seks berkenaan, mereka kurang mepedulikannya. "Kami akan menjalankan kajian seks terperinci selepas ini bagi memperoleh lebih maklumat untuk menyampaikan mesej, menentukan pendidikan yang sesuai dan berterusan bagi remaja. "Hasil kajian itu nanti akan turut dijadikan garis panduan kepada organisasi bukan kerajaan dalam merancang kempen kesihatan seksual," katanya.



Sekiranya penjualan kondom terus berleluasa, ia seolah-olah menunjukkan rakyat negara ini tidak fikir soal halal dan haram agama serta bakal mewujudkan generasi tidak berakhlak

Bekas pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Abdul Hamid Yeop Zainuddin berkata, kebanyakan masyarakat di negara ini beranggapan penjualan kondom adalah sesuatu yang negatif walaupun ia sebenarnya mempunyai kesan positif. "Penjualan kondom secara meluas dan terbuka dapat membantu pihak berkuasa mengetahui jumlah sebenar pembelian kondom di sesebuah negeri atau kawasan.

"Kerajaan perlu mewujudkan satu dasar bagi mendapatkan statistik berapa ramai individu yang membeli kondom. Dari jumlah yang diperoleh, kempen kesedaran penggunaan kondom boleh diadakan di kawasan berkenaan," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menurut Abdul Hamid, kondom kebiasaannya tidak digunakan pasangan suami isteri tetapi golongan yang gemar bernikah seks sebelum bernikah termasuk golongan remaja. "Dengan statistik itu juga, ia akan memudahkan kerajaan menentukan dan menyusun program tertentu bagi mengelakkan golongan yang belum bernikah terus melakukan maksiat. "Sebenarnya, masalah zina boleh diibaratkan wabak penyakit yang mana ia 'lebih baik dicegah daripada dirawat'. Untuk itu, pendekatan yang bertepatan perlu dilaksanakan supaya lebih mudah dan cepat diterima," katanya. Pada masa sama, jelasnya, peranan dan tanggungjawab mendidik individu sejak kecil terletak kepada kerajaan,



ABDUL HAMID YEOP ZAINUDDIN

PENGUNAAN kondom digalakkan di kalangan golongan berisiko untuk mengelakkan penularan jangkitan HIV/AIDS. - Gambar hiasan

pihak berkuasa berkaitan, ibu bapa dan sekolah. "Perkara ini boleh diumpamakan kanak-kanak tahun satu yang jika ditanya mahu sekolah atau tidak kebanyakannya akan jawab tidak kerana belum dapat menilai kebaikan ilmu. Jadi sebagai ibu bapa, kita pasti akan terus memaksa kerana sadar kepentingan pelajaran kepada anak. "Jadi sebagai pihak berpengalaman, kita perlu memainkan peranan menerapkan nilai positif dalam diri individu terutama golongan remaja supaya mereka menjauhi zina," tambahnya. Pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia, (USM) Profesor Madya Mohamad Md. Yusoff berkata, penjualan kondom

perlu dipantau memandangkan Malaysia adalah sebuah negara Islam dan mementingkan ciri ketimuran dalam kehidupan masyarakat Melayunya. "Kondom perlu dijual dengan pengawasan dan tidak sepatutnya diletakkan di rak terbuka atau kaunter hadapan. "Had umur individu untuk membeli kondom juga perlu ditetapkan seperti hanya boleh dijual kepada mereka yang berusia 20 tahun ke atas dan sudah bernikah dengan cara perlu menunjukkan kad pengenalan mereka," katanya. Selain itu, katanya, di negara ini ada dua kategori individu iaitu menggunakan kesempatan yang ada dan tidak kisah.

Mohamad berkata, individu yang suka menggunakan kesempatan akan membeli dan menggunakan kondom walaupun belum bernikah dan sedar ia bertentangan dengan agama. "Kategori yang tidak kisah pula tidak akan terpengaruh dengan kondom serta zina dan golongan ini kebiasaannya mempunyai pegangan agama kukuh. "Sekiranya penjualan kondom terus berleluasa, ia seolah-olah menunjukkan rakyat negara ini tidak fikir soal halal dan haram agama serta bakal



DR. NORMAHDIAH SHEIKH SAID

memwujudkan generasi tidak berakhlak," katanya. Sementara itu, Pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Normahdiah Sheikh Said berkata, kondom bukannya punca kepada aktiviti seks sebelum nikah atau zina. "Tambahan, faktor utama seseorang itu melakukan zina adalah kurangnya asas agama dan iman dalam diri. Dr. Normahdiah berkata, jika seseorang itu mempunyai asas agama dan pegangan iman yang kukuh, apa juga budaya kurang bermalah tidak akan diikutinya. Setiap pihak, katanya, perlu berganding bahu dan membantu kerajaan menayakan kempen kesedaran meningkatkan amalan hidup sihat dan menjaui perkara tidak bermalah. "Media mungkin boleh membantu menyiarkan iklan berhubung kesan buruk penggunaan kondom kepada golongan belum bernikah. "Jika perlu, buat peraturannya hanya pasangan yang sudah berkahwin dibenarkan membeli kondom," katanya.